

23/09/1998

Anwar tetap didakwa (HL)

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Anwar Ibrahim tetap akan didakwa di mahkamah, manakala tindakan polis menahan beliau dan 12 orang lagi mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) berikutan rusuhan kelmarin, bukan alasan untuk kerajaan menguatkuasakan perintah darurat.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, polis memang berniat untuk menahan Anwar dan mendakwanya mengikut saluran mahkamah selepas mengumpul bukti mencukupi nanti, bukannya menggunakan ISA.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kerana penyokong Anwar mencetuskan keganasan dan rusuhan, polis terpaksa menahannya lebih awal mengikut akta berkenaan.

"Hakikatnya ialah dia telah dibiarkan melanggar undang-undang banyak kali. Kemuncaknya ialah pada hari Ahad apabila dia menghasut pengikutnya untuk merusuh.

"Tetapi saya percaya memang menjadi niat polis untuk mendakwanya mengikut saluran biasa," katanya dalam sidang akhbar yang turut dihadiri wartawan asing di Jabatan Perdana Menteri (JPM), petang ini.

Anwar ditangkap mengikut Seksyen 73(1) (a) ISA di rumahnya pada malam Ahad lalu selepas mengetuai perhimpunan dan perarakan haram yang kemudiannya mencetuskan rusuhan.

Perdana Menteri memulakan sidang akhbar itu dengan menjelaskan selama kira-kira 20 minit mengenai penangkapan Anwar dan mesyuarat khas Majlis Tertinggi (MT) Umno semalam, sebelum membenarkan wartawan mengemukakan soalan.

Beliau yang juga Menteri Dalam negeri menegaskan, kerajaan tidak mempunyai sebab khusus untuk mengumumkan darurat kerana keadaan kini stabil dan semakin pulih.

"Tidak ada pengumuman darurat. Sudah tentunya, ada beberapa ribu orang yang mengikutinya (Anwar) tetapi sebahagian besar rakyat Malaysia amat berpuas hati dengan keadaan sekarang," katanya.

Dr Mahathir berkata, bekas timbalannya itu menyampaikan ucapan yang membakar semangat di perhimpunan haram di Masjid Negara dengan menghasut penyokongnya untuk merusuh.

"Polis terpaksa bertindak," katanya, sambil menambah beliau tidak menjangka perbuatan Anwar boleh sampai ke peringkat itu. Malah, polis tidak percaya akan berlaku rusuhan dan bersedia menahan Anwar mengikut cara biasa dengan tuduhan sepatutnya.

Selain itu, kata Dr Mahathir, ada bukti Anwar cuba mencetuskan rusuhan di beberapa tempat lain.

"Hakikatnya ialah apabila penyokong Anwar pergi ke Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Ahad lalu untuk menimbulkan masalah dan merosakkan satu pameran Umno, ia membuktikan bahawa mereka bukannya ahli Umno.

"Ia adalah satu perkara yang tidak akan dilakukan oleh ahli Umno," katanya.

Menurut Perdana Menteri, Anwar jelas membakar semangat pengikutnya untuk mencetuskan suasana seperti berlaku di Indonesia sehingga menyebabkan Suharto meletakkan jawatan sebagai Presiden.

"Mereka berharap dengan itu, mereka boleh menggulingkan kerajaan, khususnya menggulingkan saya, walaupun ia tidak penting lagi kerana saya kini berusia 73 tahun dan tidak boleh hidup selama-lamanya," katanya.

Beliau berkata, Anwar memilih untuk menjadi lebih agresif pada Ahad lalu selepas pengakuan dua orang di mahkamah sehari sebelum itu bahawa mereka

diliwat olehnya.

Menurutnya, saksi-saksi yang sanggup memberi keterangan mengenai tindak-tanduk Anwar itu jauh berbeza daripada yang lain kerana mereka sedia memberi maklumat yang akan memalukan diri mereka sendiri.

"Harapan utama Anwar ialah mereka tidak akan menyampaikan cerita mereka, kerana untuk berbuat demikian, akan memalukan diri sendiri. Anwar amat bergantung kepada perkara itu.

"Tetapi dia tidak menjangkakan adik angkatnya sendiri dan rakannya membuat kenyataan (mengaku bersalah) itu," katanya.

Dr Mahathir percaya Anwar turut berbuat demikian kerana Sukan Komanwel sedang berlangsung dan polis amat sibuk dengan kawalan temasya berkenaan serta kehadiran jumlah wartawan asing yang besar di ibu negara.

"Sudah tentunya, ramalan dia menjadi tepat. Perkara ini kini merebak ke seluruh dunia bahawa saya kini seorang diktator. Sekurang-kurangnya seorang Perdana Menteri mengatakan saya kini seorang diktator... tentunya diktator yang dipilih.

"Tujuannya ialah untuk merosakkan imej negara, menghilangkan keyakinan dan mengelak Malaysia daripada menjadi stabil," katanya.

Mengenai pendakwaan Anwar, Dr Mahathir berkata ia akan dilakukan apabila polis bersedia untuk berbuat demikian, dan beliau tidak akan campur tangan dalam proses itu.

Menurutnya, Anwar tidak mahu dihadapkan ke mahkamah kerana semua bukti terhadapnya akan didedahkan, dan saksi akan menyampaikan maklumat yang akan menjeratnya.

Perdana Menteri berkata, Anwar juga tidak pernah bersumpah di masjid sebagaimana didakwanya. Apa yang dikatakan ialah 'Saya bersumpah' dan ia tidak mencukupi.

"Hakikatnya ialah seseorang yang selama bertahun lamanya berselindung sebagai orang alim, tetapi melakukan perkara keji ini.

"Orang seperti itu, yang kelihatan alim, tetapi tidak langsung, sudah tentunya mampu bersumpah di masjid, dan mengetahui apa yang disumpahkannya bukan kebenaran sebenar," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, walaupun berapa banyak pun penjelasan diberikan mengenai penangkapan Anwar, pihak tertentu seperti media asing tidak akan mempercayainya.

(END)